

03/01/2002

BSKL merosot 13.26 mata pada hari pertama

BURSA Saham Kuala Lumpur (BSKL), merosot 13.26 mata untuk ditutup pada 682.83 mata pada hari pertama dagangan tahun ini selepas melonjak beberapa hari berturut-turut pada minggu terakhir dagangan tahun lalu.

Penganalisis bagaimanapun berpendapat situasi pembedahan itu hanya sementara dan yakin prospek pasaran tahun ini adalah lebih baik berbanding tahun lalu dengan pemulihan semula ekonomi Malaysia.

Pasaran tempatan meningkat dalam minggu terakhir tahun lalu berikutan kegiatan urus niaga akhir tahun (window dressing) yang membantu melonjakkan harga serta sentimen pasaran.

Secara keseluruhannya, indeks komposit BSKL menunjukkan peningkatan ketara sejak November lalu dengan meningkat hampir 100 mata untuk ditutup pada 696.64 pada 31 Disember lalu.

Ketua Penyelidik TA Securities Bhd, CK Ngu berkata, prestasi pasaran semalam sememangnya sudah dijangka berikutan tekanan jualan yang dihadapi oleh kebanyakan kaunter yang mengalami peningkatan sebelum ini.

"Bagaimanapun, secara keseluruhannya, pasaran saham tempatan dijangka mempunyai momentum untuk meningkat terutama dalam dua bulan pertama tahun ini," katanya ketika dihubungi Berita Harian, di Kuala Lumpur, semalam.

Ngu berkata, pasaran dijangka kembali melonjak dalam waktu terdekat ini terutama dalam bulan Januari dan Februari berdasarkan prospek ekonomi yang positif tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin berkata, ekonomi Malaysia dijangka tumbuh pada kadar tiga peratus tahun ini.

Ngu berkata, kadar pertumbuhan yang diumumkan Perdana Menteri itu adalah lebih rendah daripada jangkaan pasaran iaitu sekitar 3.5 peratus.

Bagaimanapun, katanya, gambaran lebih jelas mengenai prospek pasaran dijangka diketahui selepas kebanyakan syarikat mengumumkan perolehan sebenar pada akhir Februari berbanding hanya jangkaan sebelum ini.

"Pasaran dijangka membetulkan diri selepas itu untuk memberi gambaran lebih jelas mengenai prestasi pasaran tempatan," katanya.

Menurut Ngu, secara keseluruhannya, pasaran tempatan dijangka lebih baik berbanding tahun lalu dengan prospek ekonomi yang lebih positif secara amnya.

Penganalisis berkata, pemulihan pasaran juga antara lain bergantung kepada program penyusunan semula syarikat seperti Renong Bhd dan Penerbangan Malaysia (MAS) yang sememangnya bergantung kepada pemulihan ekonomi negara.

"Selain itu, pemulihan ekonomi luar terutama Amerika Syarikat dan kestabilan antarabangsa turut mempengaruhi sentimen pasaran tempatan," katanya.

(END)